

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Kargo Marin

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil Insurans Kargo Marin. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.



1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini melindungi anda daripada kehilangan atau kerosakan ke atas barangan anda semasa proses penghantaran dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Lingkungan penghantaran di dalam polisi ini adalah melalui Laut, Udara, Jalan raya dan Pos.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Terdapat 3 perlindungan yang diberikan. Iaitu :

- Peraturan Fasal Kargo (A) 1.1.82 / 1.1.09 (I.C.C - A)
 - Ia merupakan bentuk perlindungan yang paling luas. Polisi ini melindungi kesemua risiko kehilangan atau kerosakan ke atas barangan di bawah Peraturan Fasal Kargo (A) kecuali perkara-perkara yang dinyatakan dalam fasal pengecualian Klaus 4,5,6 dan 7 atau perkara lain yang disebutkan di dalam polisi ini.
- Peraturan Fasal Kargo (B) 1.1.82 / 1.1.09 (I.C.C - B)

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan ke atas barangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perkaraperkar yang dinyatakan dalam Peraturan Fasal Kargo (B):

 - Kebakaran atau letupan, Kapal terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik, Kenderaan barangan darat terbalik atau terbabas, Kapal atau kenderaan barangan terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air.
 - Peraturan Fasal Kargo (B) mempunyai lebih perlindungan berbanding dengan ICC (C).
 - a) Terjatuh ke laut akibat badai.
 - b) Air dari laut, tasik atau sungai masuk ke dalam kapal pengangkut kontena, van pengangkat atau tempat penyimpanan
 - c) Jumlah kerugian bagi mana-mana pakej kehilangan akibat terjatuh ke dalam air ketika dimuat naik atau dimuat turun dari kapal.
 - d) Gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat.
- Peraturan Fasal Kargo (C) 1.1.82 / 1.1.09 (I.C.C - C)
 - Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan ke atas barangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perkara-perkara yang dinyatakan sama dengan ICCB (a) diatas.

Catatan: Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunakan seperti mana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada perlindungan, terma-terma dan syarat-syarat:

Nilai Kargo	- RM _____
Kadar Dikenakan	- _____%
Jumlah Premium Teranggar	- RM _____

4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

- Duti Setem - Bayaran sebanyak RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% dari premium (termasuk di dalam premium)
- Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium) - Maksimum 15% dari premium

5. Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- Kewajipan pihak diinsuranskan kepada syarikat
 - 1 Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna
 - 1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:
 - (a) tidak membuat salah nyataan kepada Syarikat apabila menjawab apa-apa soalan yang Syarikat tanya di dalam borang cadangan
 - (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Syarikat ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Syarikat berhubung dengan Polisi ini; dan
 - (c) untuk mendedahkan kepada Syarikat apa-apa perkara, selain daripada apa yang Syarikat kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Pihak Diinsuranskan tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - 2 Kewajipan untuk bukan Polisi Insurans Pengguna
 - 2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Syarikat apa-apa perkara yang:
 - (a) Pihak Diinsuranskan tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau
 - (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - 3 Akibat daripada Pelanggaran Kewajipan
 - 3.1 Jika ini adalah Polisi Insurans Pengguna, pelanggaran kewajipan Pihak Diinsuranskan sebagai yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan Syarikat mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau syarat-syarat Polisi ini diubah, dan / atau amaun yang kena dibayar atas suatu tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung kepada jenis salah nyataan atau ketakdedahan dan kesan salah nyataan atau ketakdedahan tersebut.
 - 3.2 Jika ini bukan Polisi Insurans Pengguna, pelanggaran kewajipan Pihak Diinsuranskan sebagai yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan Syarikat mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan.
 - Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak insurans menanggung kerugian anda.

Catatan: Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Pengecualian utama di bawah polisi ini ialah :

- Perang dan mogok (kecuali diminta untuk ditambah tetapi tertakluk kepada premium tambahan);
- Kehilangan, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku yang disengajakan oleh Pihak Yang Diinsuranskan;
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada keburukan sedia ada atau sifat subjek yang diinsuranskan;
- Kebocoran biasa, kehilangan berat atau jisim biasa atau kehausan dan keusangan biasa pada subjek yang diinsuranskan;
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari ketidaksesuaian kapal untuk belayar, ketidaklayakan kapal, kenderaan, kontena atau van pengangkut untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamatnya, di mana Pihak Yang Diinsuranskan atau orang gajinya telah merahsiakan ketidaklayakan untuk pelayaran ataupun pengangkutan sedemikian pada masa subjek diinsuranskan dimuat naik di tempat berkenaan;
- Pengunderait mengetepikan sebarang pelanggaran terhadap waranti tersirat tentang kesesuaian kapal untuk belayar dan mengangkut subjek diinsuranskan ke destinasi, melainkan Pihak Yang Diinsuranskan atau orang gaji mereka merahsiakan ketidaksesuaian untuk belayar dan mengangkut sedemikian;
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh penanggulangan, biarpun penanggulangan tersebut berpunca daripada risiko yang diinsuranskan.

Catatan: Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

7. Bolehkan saya membatalkan Polisi?

Sekiranya perjalanan pengangkutan telah bermula, polisi ini tidak boleh dibatalkan.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb Insured.SM adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam butir hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kargo Marin ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi cawangan kami, pengantara insurans anda atau lawati www.chubb.com/my.

Jika Anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
O +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan.

- Insurans Barangan Dalam Transit

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 27/04/2020.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat- syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan telah dikawal oleh Bank Negara Malaysia.